



# SIARAN MEDIA

---

## **ASEAN CARBON FORUM 2024 MERANCAKKAN WACANA KERANGKA KARBON BERSAMA ASEAN**

---

ASEAN Carbon Forum 2024 (ACF2024) yang pertama telah dianjurkan semalam untuk memulakan wacana mengenai pengkreditan karbon dalam konteks serantau. Dengan kemajuan yang dicapai dalam ruang pasaran karbon di ASEAN, forum ini berfungsi sebagai platform untuk negara-negara anggota ASEAN berkongsi mengenai usaha-usaha yang sedang dijalankan dan untuk meneroka potensi kerjasama bagi meningkatkan inisiatif mitigasi karbon di peringkat serantau.

Bursa Malaysia telah memperkenalkan konsep Kerangka Karbon Bersama ASEAN (ACCF), yang dimulakan oleh Kumpulan Kerja Pasaran Karbon di bawah Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Malaysia (ASEAN-BAC-MY).

“Forum ini menjadi pemangkin untuk wacana mengenai ACCF sebagai salah satu inisiatif yang diharapkan dapat dioperasikan sebagai Strategi ASEAN untuk Neutral Karbon apabila Malaysia mengambil alih kepemimpinan ASEAN pada tahun 2025,” kata Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Beliau juga menyatakan bahawa kerangka ini diharapkan dapat membuka peluang projek karbon yang unik untuk kawasan ASEAN dan pada masa yang sama, mencipta isyarat permintaan yang lebih kuat. Ini akan dilakukan melalui pasaran karbon yang saling beroperasi di rantau ini, sekali gus mencipta pasaran yang lebih besar untuk penawaran dan permintaan karbon.

“Forum ini sememangnya tepat pada masanya kerana Malaysia bercadang untuk membangunkan sistem pengkreditan karbon nasional tersendiri dan meneroka pilihan dalam pasaran karbon pematuhan,” kata Nik Nazmi.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Malaysia Forest Fund telah menganjurkan *ASEAN Carbon Forum 2024 – Development of Crediting Programme and Carbon Project (ACF2024)* dengan kerjasama World Bank Group dan Permian Malaysia bersempena dengan *International Greentech & Ecoproduct Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2024* di Kuala Lumpur Convention Centre.

Penganjurannya menyaksikan penyertaan yang tinggi daripada negara-negara anggota ASEAN seperti Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura, serta pelbagai pihak berkepentingan termasuklah Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, syarikat-syarikat korporat, institusi kewangan, pertubuhan bukan kerajaan, perunding projek, pemaju projek, badan validasi dan pemverifikasi, badan pengkreditan karbon dan ahli akademik.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**10 OKTOBER 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

